


# Garis Panduan PENGAMBILAN PELAJAR PROGRAM KEDOKTORAN MELALUI SALURAN LALUAN PANTAS (FAST TRACK)

PUSAT SISWAZAH

UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA

*The National University  
of Malaysia*





**GARIS PANDUAN  
PENGAMBILAN PELAJAR  
PROGRAM KEDOKTORAN  
MELALUI SALURAN LALUAN PANTAS  
(*FAST TRACK*)**

PUSAT SISWAZAH  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## **TARIKH KELULUSAN**

1. Garis Panduan Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) Diluluskan Dalam Mesyuarat Senat ke-426 bertarikh 28 September 2016.
2. Semakan Semula Garis Panduan Pengambilan Pelajar Program Kedoktoran Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) Diluluskan Dalam Mesyuarat Senat ke-464 bertarikh 22 April 2020.

## 1.0 Pengenalan

Garis panduan ini adalah bertujuan bagi memberi panduan kepada Fakulti/Institut dalam mempertimbangkan proses pengambilan pelajar graduan prasiswazah untuk mengikuti program Kedoktoran melalui saluran laluan pantas (*fast track*) Universiti Kebangsaan Malaysia.

## 2.0 Syarat-Syarat Permohonan

- (a) Permohonan dibuka kepada graduan yang dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia atau Institusi Pengajian Tinggi lain yang diiktiraf oleh MQA atau badan penarafan antarabangsa yang setaraf; dan
- (b) Graduan yang telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kelas Pertama (PNGK:3.67 ke atas) atau setara dengannya daripada program akademik atau program *Technical and Vocational Education and Training* (TVET); dan
- (c) Bagi calon bukan warganegara, calon perlu memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris dengan mendapat keputusan *Test of English as Foreign Language* (TOEFL), *International English Language Test System* (IELTS) atau *Malaysian University English Test* (MUET) yang memenuhi syarat skor atau *band* minimum yang ditetapkan oleh program masing-masing dan diluluskan oleh Senat. Namun begitu, Fakulti/Institut boleh memberi pengecualian kepada syarat keperluan Bahasa Inggeris kepada:
  - (i) pelajar luar negara yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi; ATAU
  - (ii) pelajar luar negara yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di UKM.

## 3.0 Prosedur Permohonan dan Pengajian Program Kedoktoran Saluran Laluan Pantas

- (a) Calon perlu mengisi permohonan mengikuti program Kedoktoran melalui sistem permohonan atas talian UKM.
- (b) Calon hendaklah mengikuti program pengajian di UKM secara sepenuh masa.
- (c) Calon dikehendaki menyediakan kertas cadangan tesis mengikut bidang yang dipohon.
- (d) Jawatan Kuasa Pengambilan/Pemilihan yang dianggotai oleh pakar bidang di Fakulti/Institut perlu membuat penilaian terhadap calon melalui sesi temuduga

untuk menentukan sama ada calon layak mengikuti pengajian peringkat Kedoktoran.

- (e) Permohonan calon perlu diperakukan oleh Jawatankuasa Pengambilan/ Pemilihan peringkat Fakulti/Institut.
- (f) Calon yang berjaya akan menerima surat tawaran program Kedoktoran secara atas talian manakala calon yang tidak berjaya boleh ditawarkan untuk mengikut program pengajian di peringkat Sarjana.
- (g) Calon perlu membentangkan laporan kemajuan penyelidikan dalam tempoh setahun pengajian bagi menilai prestasi akademik dan memenuhi syarat-syarat yang berkaitan dalam pengajian peringkat Kedoktoran.
- (h) Sekiranya calon tidak mencapai tahap lulus dan layak meneruskan pengajian, calon boleh dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian sarjana penyelidikan mengikut prosedur yang ditetapkan untuk pertukaran program.
- (i) Penilaian akademik calon untuk peringkat seterusnya perlu dibuat seperti mana pelajar yang mengikut pengajian program Kedoktoran laluan biasa.
- (j) Calon perlu menduduki sesi peperiksaan lisan pada akhir pengajian program Kedoktoran. Calon yang lulus peperiksaan lisan dan telah memenuhi syarat bergraduat yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut akan dianugerahkan Ijazah Kedoktoran.
- (k) Calon yang tidak dapat dianugerahkan Ijazah Kedoktoran pada akhir peperiksaan lisannya tidak akan dianugerahkan dengan kelayakan Sarjana sebagai *exit award* sekiranya tidak memenuhi pencapaian pada tahap Kedoktoran. Calon boleh memohon untuk mendaftar program di peringkat Sarjana melalui proses pendaftaran baharu.

#### **4.0 Syarat-Syarat Pengajian**

- a) Tempoh pengajian adalah tertakluk kepada tempoh pengajian peringkat Kedoktoran sepenuh masa laluan biasa seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah).
- b) Permohonan pelanjutan semester boleh dipertimbangkan oleh Fakulti/Institut tertakluk kepada syarat dan keperluan semasa Universiti.
- c) Pelajar dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian Kedoktoran dan kegiatan penyelidikan yang berhubung dengan program pengajian. Pelajar tidak dibenarkan sama sekali melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjejaskan pengajiannya.

- d) Pelajar adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **5.0 Tarikh Kuat Kuasa**

Garis Panduan Pengambilan Pelajar Program Ijazah Kedoktoran melalui saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) yang disemak semula berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2019.

## **LAMPIRAN A**

### **Ahli Jawatankuasa Garis Panduan Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) 2016**

#### **Pengerusi**

Prof. Dr. Ishak Ahmad

#### **Ahli Jawatankuasa**

Prof. Ir. Dr. Shahrir Abdullah  
Prof. Madya Dr. Kartini Ahmad  
Prof. Madya Ir. Dr. Nasharudin Zainal  
Dr. Azlina Ahmad  
En. Mohd Hashrifa Hashim  
Pn. Siti Salwa Ahmad Zur

## **LAMPIRAN B**

### **Ahli Jawatankuasa Semakan Semula Garis Panduan Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) 2020**

#### **Pengerusi**

Prof. Madya Dr. Abdul Munir Abdul Murad

#### **Ahli Jawatankuasa**

Prof. Dr. Ishak Ahmad  
Prof. Madya Dr. Ermy Azziaty RozaliDr.  
Chin Siok Fong  
Dr. Babul Airianah Othman  
Pn. Jumriah Nunurung  
Pn. Lily Farizon Karim  
Cik Suhaida Abd Rahman  
Pn. Latifah Kasmuri